

D.R. 19/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995."

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*] dipinda dalam Jadual Pertama—

- (a) dalam subperenggan 1(1), dengan menggantikan perkataan "sekurang-kurangnya sekali sebulan" dengan perkataan "sekali dalam tiap-tiap dua bulan";

Rang Undang-Undang

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 4 perenggan yang berikut:

"Ketetapan tanpa mesyuarat

4A. (1) Suatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Lembaga jika—

- (a) semua anggota Lembaga telah diberitahu mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memberitahu semua anggota Lembaga mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa bermesyuarat, semua anggota Lembaga menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Lembaga di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Lembaga—

- (a) memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan
- (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Lembaga hendaklah menandakan persetujuan mengenai ketetapan itu."; dan

(c) dengan menggantikan perenggan 5 dengan perenggan yang berikut:

"Kesahan perbuatan dan prosiding

5. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada kekosongan dalam keanggotaan, atau kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) terdapat pelanggaran oleh mana-mana anggota Lembaga terhadap peruntukan perenggan 2; atau
- (c) ada peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 ("Akta 533").

2. *Fasal 1* memperkatakan peruntukan permulaan.

3. Pindaan yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini ialah cadangan untuk meminda peruntukan tertentu Jadual Pertama kepada Akta 533 berkenaan dengan prosiding Lembaga. Pindaan kepada subperenggan 1(1) bertujuan untuk membenarkan Lembaga bermesyuarat sekali dalam tiap-tiap dua bulan berbanding dengan sekurang-kurangnya sekali sebulan sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan yang sedia ada. Perenggan baru 4A bertujuan untuk membolehkan Lembaga meluluskan ketetapan tanpa bermesyuarat manakala pindaan kepada perenggan 5 bertujuan untuk menambah baik peruntukan mengenai kesahan prosiding Lembaga itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2641]